

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PENERIMAGUNAAN TEKNOLOGI
KEWANGAN DALAM PEMERKASAAN
DAYA SAING PERNIAGAAN DIGITAL
USAHAWAN PKS PATUH SYARIAH**

MUHAMMAD SYAHRUL DEEN BIN AHMAD ROSLI

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Doktor Falsafah
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Februari 2024

ABSTRAK

Dalam menghadapi cabaran globalisasi perniagaan, pembangunan PKS menghadapi masalah di dalam berdaya saing menerusi digitalisasi perniagaan yang memerlukan kepada kelebihan mereka di dalam teknologi kewangan yang merupakan asas kepada operasi digitalisasi. Walaupun teknologi kewangan telah berada di pasaran selama sekitar 15 - 20 tahun, majoriti pihak usahawan dan individu di Malaysia masih memilih perkhidmatan kewangan tradisional yang hanya menaikkan inisiatif pelaburan dan transformasi dalam 5 hingga 7 tahun yang lalu dan tidak bersedia untuk mengikuti perkembangan teknologi baru. Kajian ini mengenalpasti masalah ketersediaan teknologi kewangan di dalam PKS dan mengambil persampelan daripada negeri Selangor yang merupakan lokasi subjek yang sesuai dengan populasi yang pelbagai latar belakang ekonomi dan urbanisasi. Dengan sorotan kajian mengenai teknologi kewangan patuh Syariah yang mempunyai kaitan dengan daya saing keusahawanan, kajian ini mengenalpasti lapan item teknologi kewangan patuh Syariah dan menjadikannya sebagai instrumen pengukuran kajian ini terhadap target populasi. Dengan pendekatan PLS-SEM melalui pengukuran reflektif, kajian ini dapat mengenalpasti corak penerimgunaan usahawan PKS Selangor terhadap lapan item teknologi kewangan patuh Syariah dalam daya saing keusahawanan iaitu pemudahan perniagaan, efisien dan kepantasan operasi, kos efektif, pemasaran, keselamatan data, data raya, maklumat pasaran, dan transaksi patuh Syariah. Kajian ini juga menambah korpus ilmu di dalam medan digitalisasi PKS yang mencadangkan agar aspek kelebihan teknologi kewangan diukur dalam model menyeluruh yang merangkumi daya saing perniagaan digital melalui aspek keusahawanan dan pengaruh teknologi. Ia dapat digunakan sebagai panduan kepada kayu ukur kemampuan PKS di dalam daya saing digital perniagaan mereka. Kajian ini mencadangkan penilaian seterusnya dibuat terhadap daya saing digital keusahawanan di dalam digitalisasi perniagaan yang lebih komprehensif menerusi nilai-nilai teknologi kewangan yang kompetitif.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, syukur *Alhamdulillah* segala puji-pujian hanya kepada-NYA juga selayaknya, diizinkan-NYA saya mendapat peluang untuk memulakan PhD saya dan berjaya menyempurnakan perjalanan yang panjang dan penuh berliku ini. Syukur dan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Mat Rani, dan penyelia bersama Dr Muhamad Hasif Yahaya, Dr.Mohd Amzari Tumiran, dan Dr Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif. Terima kasih pada guru-guru saya ini atas sokongan, kesabaran, dan persahabatan yang terjalin menguatkan semangat saya lagi untuk meneruskan penyelidikan ini.

Terima kasih juga kepada rakan sekerja dan rakan-rakan saya kerana membantu saya dengan projek ini. Akhir kata, tesis ini didedikasikan kepada ayahanda dan bonda saya yang tersayang di kampung halaman atas keazaman untuk mendidik saya. Secebis ilmu ini tidak mungkin akan terbalas jasa kedua ibu dan ayah yang tercinta. Andai ini setitik kasih, kasih mereka bagai lautan tidak bertepi. semoga ada pahala jariah buat kami semua. *Alhamdulillah*.

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
PENGISYTIHARAN PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SIMBOL	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
SENARIA TATANAMA	xx
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.2 Sorotan Literatur	10
1.2.1 DBE Sebagai Tunjang Daya Saing Keusahawanan Digital	10
1.2.2 DBE dan Teknologi Kewangan	12
1.2.3 Teknologi Kewangan Sebagai Faktor Penerimaan.	14
1.2.4 Corak Penerimaan usahawan PKS Muslim Terhadap Teknologi Kewangan.	17
1.2.5 Penerimaan Teknologi Melalui Tingkahlaku Usahawan	18
1.3 Persoalan Kajian	21
1.4 Objektif Kajian	22
1.4.1 Penjadualan hipotesis dan hipotesis nol.	22
1.5 Signifikan Kajian	25
1.6 Skop dan Limitasi Kajian	27
1.6.1 Limitasi Subjek kajian	27
1.6.2 Limitasi Metodologi kajian	28
1.6.3 Metodologi kajian	28
1.6.4 Impak Kajian	29
1.7 Penyusunan Bab Penyelidikan	30
1.8 Kesimpulan	31
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	32
2.1 Pendahuluan	32
2.2 Sorotan literatur Ekosistem Perniagaan (BE)	32
2.2.1 Definisi	32
2.2.2 Perkembangan teori BE	34
2.2.3 BE dan keusahawanan Muslim	36

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Industri Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan badan perniagaan yang mempunyai peranannya di dalam pembangunan ekonomi masyarakat di Malaysia (Tahir et al., 2017). Ia memainkan peranan penting dalam mendorong pertumbuhan, pekerjaan, tahap pendapatan dan menjadi entiti penting dalam proses transformasi ekonomi Malaysia. Kerajaan telah mensasarkan PKS untuk menyumbang sekurang-kurangnya 40% kepada pertumbuhan ekonomi setiap tahun (SME, 2018). Usahawan PKS mencatat pertumbuhan positif yang lebih tinggi sebanyak 38.3% kepada KDNK pada tahun 2018 berjumlah AS \$ 126.3 bilion (RM521.7 bilion) berbanding 37.8% berjumlah AS \$ 117.9 bilion (RM491.2 bilion) pada tahun 2017 (SME, 2018). Sejak perkembangan industri selepas kemerdekaan, perkembangan PKS telah diakui sebagai komponen asas dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negara dapat bertahan. Ia telah diakui sebagai penyumbang paling besar terhadap pembangunan pertumbuhan ekonomi Malaysia (Zin, 2020).

Namun, terdapat juga cabaran baharu iaitu fenomena pandemik global coronavirus Covid-19 yang telah menimbulkan senario penguncupan ekonomi global. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan Covid-19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 dan ia telah menyebabkan kes kematian yang tinggi dan penutupan sektor ekonomi, termasuklah Malaysia (Abdul Rashid et al., 2021). Kawalan pergerakan, kuarantin, kurungan dan penjarakan sosial adalah antara usaha kerajaan untuk melindungi kesihatan awam dan menyebabkan tindak balas ekonomi yang belum pernah berlaku. Malaysia telah melaksanakan Kawalan Pergerakan Pesanan (PKP) pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 dan kemudiannya berakhir pada 14 April 2020, bersempena Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, untuk mengepung rantaian virus pandemik tersebut. Perintah itu melibatkan penutupan semua kerajaan, swasta dan premis perniagaan kecuali perkhidmatan kritikal dan penting (The New Straits Times, 2020). Kesan coronavirus terhadap aktiviti perniagaan PKS di seluruh dunia adalah sangat besar (OECD, 2021).